

keusahawanan

Sehati@Gambang bantu masyarakat

BERITA-HARIAN (VARSITI) KEUSAHAWANAN
5 MEI 2016 11/6 G

Oleh Mimi Rabita
Abdul Wahid
bhvarsiti@bh.com.my

Kuantan

Universiti Malaysia Pahang (UMP) akan terus melaksanakan pelbagai inisiatif bagi memperkuatkan bidang keusahawanan sosial selaras matlamat Pelan Strategik 2016-2020 universiti itu.

Sehubungan dengan itu, Pusat Keusahawanan UMP (MyPACE) bekerjasama dengan Pusat Inovasi dan Kreativiti Global Malaysia

(MaGIC) untuk mengajukan Program Sehati@Gambang 2016 dekat sini, baru-baru ini.

Pengarah MyPACE, Prof Dr Noor Azlinna Azizan, berkata pengajuran program disertai lebih 1,000 mahasiswa UMP itu bertujuan memberi penerangan mengenai peranan keusahawanan sosial dalam pembangunan ekonomi negara dan manfaat jangka panjang yang boleh diraih.

Bagi menjayakan program itu, beliau berkata, mahasiswa terbabit berperanan sebagai ejen universiti dan perlu

Keusahawanan sosial menawarkan suatu jalan penyelesaian ke arah ekonomi yang saksama dan lestari”

Ehon Chan,
Pengarah Eksekutif
Keusahawanan Sosial
MaGIC



Rakaman wajah ceria peserta Program Sehati@ Gambang 2016.

membantu masyarakat menjayakan projek yang dijalankan bersama.

Ubah taraf hidup
“Bertepatan tema ‘Memasyarakatkan Teknologi’, UMP membawa teknologi kepada masyarakat dan berusaha membantu mengubah taraf hidup mereka.

“Setakat ini, beberapa projek keusahawanan

sosial dijalankan dengan penduduk Kampung Bukit Kenau seperti penanaman Serai Wangi dan penghasilan kraf tangan daripada daun jerami.

“Melalui projek itu, penduduk menanam bениh Serai Wangi diberikan UMP. Apabila sudah sesuai untuk dituai, pihak universiti akan membeli serai itu daripada penduduk untuk meng-

hasilkan pelbagai produk bersesuaian,” katanya.

Selain UMP, Program Sehati@Gambang 2016 turut disertai mahasiswa Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Universiti Teknologi MARA (UiTM) Kampus Jengka, Universiti Tenaga Nasional (UNITEN), kolej komuniti dan penduduk setempat.